

ULASAN:

Kejayaan yang patut dipuji

14 APR 1983

PENCAK SILAT
HAKIKAT bahawa persaingan sentiasa wujud di kalangan berbagai kumpulan silat memang telah lama diketahui dan tidak dapat dinafikan.

Malah, kerap juga persaingan serupa itu menimbulkan berbagai kejadian yang tidak diingini ekoran timbulnya kepercayaan di kalangan setiap anggota kumpulan bahawa kumpulan mereka atau lebih tepat lagi "permainan" mereka adalah lebih baik dari yang lain.

Dalam keadaan begitu, memang tidak mudah untuk mengumpulkan anggota-anggota dari "permainan" yang berbeza (bukan di kalangan pemimpin mereka tetapi anggota biasa yang kebanyakan masih remaja) di bawah satu "bendera".

Oleh itu, satu penghormatan harus diberikan kepada Perwanit kerana telah berjaya menggembelng anggota-anggota dari "permainan" yang berbeza di bawah bendera persatuan itu.

Sebanyak empat jenis "permainan" kini bergerak atas nama Perwanit. Setiap orang anggota "permainan" menjadi anggota Perwanit sama seperti anggota-anggota lain yang bukan pemain silat.

Keempat-empat jenis "permainan" itu ialah Macan, Gagak Sakti, Seni Pokolan dan Gayong.

Adalah menjadi harapan semua pencinta seni tradisional ini agar semangat serupa itu akan terus dipupuk dan berkembang dengan baik di Republik ini.

Saringan utk pertandingan 15 APR 1983 silat

bermula esok

PENCAK SILAT
ACARA saringan dalam pertandingan silat antara balai rakyat anjuran Persatuan Rakyat dengan Persekutuan Silat Singapura bagi merebut Piala Sidek Saniff akan diadakan selama dua hujung minggu berturut-turut.

Saringan pertama akan dijalankan esok, diikuti dengan saringan kedua pada 17 April, ketiga pada 23 April dan keempat pada 24 April.

Kebolehan

Seramai 83 orang yang didapati layak menyertai pertandingan akan menguji kebolehan mereka dalam peringkat awal itu yang akan berlangsung di tempat latihan judo, PA, di Kallang.

Sementara itu, orang ramai yang berminat menonton pertandingan tersebut pada 30 April dan 1 Mei di Kompleks Sukan Delta boleh mendapatkan tiket-tiket berharga \$2 dari 27 balai rakyat termasuk Ulu Pandan, Pasir Panjang, Bedok, Marine Parade, Kampong Kembangan, Geylang Serai, Kampong Ubi, Jalan Pagak dan Kampong Tengah.

Mesyuarat 14 APR 1983 agung ke-15

PERSATUAN Islam dan Pencak Silat Singapura akan mengadakan mesyuarat agung tahunannya yang ke-15 pada 17 April ini di Madrasah Al-Maarif Al-Islamiah, Ipoh Lane, mulai 9.00 pagi.